

KEPATUHAN PROSES GADAIAN DALAM SISTEM AR-RAHNU DI MALAYSIA

NURUL HUDA BINTI MD YUSUFF

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA EKONOMI (EKONOMI KEWANGAN) (MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti proses lengkap bagi gadaian sehingga lelongan bagi tiga pelopor utama sistem ar-rahnu di Malaysia iaitu Bank Rakyat, YaPEIM dan MAIDAM. Kajian ini juga dijalankan untuk mengenal pasti kepatuhan terhadap manual gadaian dalam amalan operasi tiga institusi ar-Rahnu tersebut. Kaedah kualitatif menggunakan soalan temu bual separa struktur dan berstruktur dilaksanakan melibatkan pengusaha pajak gadai dan penggadai. Seramai tiga orang pegawai bertugas dan sepuluh orang penggadai terlibat dalam kajian ini. Terdapat sebelas aspek kepatuhan dianalisis iaitu penggunaan kad pengenalan dan surat akuan gadaian, timbang dan uji barang gadaian, nilai barang dan upah simpan, kelayakan pinjaman, tempoh gadaian, semakan kad pengenalan dan surat akuan gadaian, pengembalian barang, pelanjutan tempoh, surat akuan gadaian baharu, pengedaran notis, dan pemulangan lebihan hasil lelongan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kepatuhan proses penggunaan kad pengenalan dan surat akuan gadaian, kelayakan pinjaman dan uji barang gadaian, semakan kad pengenalan dan surat akuan gadaian serta pengembalian barang adalah paling tinggi, manakala nilai barang dan upah simpan, kelayakan pinjaman, dan tempoh gadaian pula adalah yang paling rendah. Implikasi kajian ini ialah keperluan bagi institusi ar-Rahnu di Malaysia untuk menyediakan sistem pemantauan yang teliti bagi memantau kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh pegawai bertugas supaya mematuhi manual gadaian institusi selain menambahbaik carta aliran kerja sedia ada.



THE COMPLIANCE OF PAWNING PROCESS IN AR-RAHNU SYSTEM IN MALAYSIA

ABSTRACT

This study aims to identify the process of pawning, redeeming and auctioning for three main pioneers of ar-rahnu systems in Malaysia which are Bank Rakyat, YaPEIM and MAIDAM. It is also conducted in order to identify the compliance of these three ar-rahnu institutions towards their pawning manual guidelines based on their operational practices. A qualitative method was employed in this study using semi-structured interview questions for pawnbrokers and fully-structured interview questions for pawners. Three officers in charge and ten pawners were identified by using purposive sampling technique. There were eleven compliance aspects have been analysed such as the usage of identification card and pawn ticket, weighing and testing collateral, collateral value and safekeeping fee, loan qualification, maturity time, identification card and pawn ticket checking, collateral redemption, redemption extension, approval of new pawn ticket, notice circulation, and returning of auctioning yield surplus. Result showed that the usage of identification card and pawn ticket, weighing and testing collateral, identification card and pawn ticket checking, and collateral redemption processes have higher compliance. Meanwhile, collateral value and safekeeping fee, loan qualification and maturity time processes have the lowest compliance. The implication of this study is there is a need for ar-rahnu institutions in Malaysia to have a thorough monitoring system to monitor the quality of services provided from officers in charge so that they comply to the pawning manual of the institutions and also improve their work flow charts.

KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN KEASLIAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	2
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Persoalan Kajian	9
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Batasan Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.8 Definisi Operasional	12
1.9 Organisasi Kajian	14
 BAB 2 SISTEM AR-RAHNU DI MALAYSIA	
2.1 Pengenalan	16

2.2	Sejarah Awal Perkembangan Pajak Gadaai di Malaysia	17
2.3	Konsep Gadaian dalam Islam	20
2.3.1	Hukum ar-Rahnu	21
2.3.2	Rukun ar-Rahnu	23
2.3.3	Konsep-konsep syariah dalam sistem ar-Rahnu	25
2.3.3.1	<i>Konsep ar-Rahn</i>	26
2.3.3.2	<i>Konsep al-Qardhul Hasan</i>	27
2.3.3.3	<i>Konsep al-Wadiah yad Dhammanah dan al-Ujrah</i>	29
2.4	Perkembangan Sistem Ar-Rahnu di Malaysia	30
2.5	Latar Belakang Sistem Ar-Rahnu di Bank Rakyat, YaPEIM dan MAIDAM	32
2.5.1	Skim ar-Rahnu Bank Rakyat	32
2.5.2	Skim ar-Rahnu Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM)	34
2.5.3	Skim ar-Rahnu Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM)	36
2.6	Modus Operandi Sistem Ar-Rahnu	38
2.6.1	Transaksi Gadaian dan Tempoh Gadaian	38
2.6.2	Upah simpan, Margin dan Had Pinjaman	40
2.6.3	Akta dan Peraturan Ar-Rahnu	43
2.7	Rumusan	46
BAB 3	TINJAUAN LITERATUR	
3.1	Pengenalan	48
3.2	Kajian-Kajian Lepas	49
3.2.1	Kajian Empirikal	49
3.2.2	Kajian Bukan Empirikal	59
3.3	Kerangka Konseptual	65
3.4	Rumusan	68

BAB 4 METODOLOGI

4.1	Pengenalan	69
4.2	Reka Bentuk Kajian	70
4.3	Persampelan	71
4.4	Instrumen Kajian	73
4.5	Kaedah Pengumpulan Data	76
4.6	Kaedah Analisis Data	79
4.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	81
4.8	Rumusan	84

BAB 5 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	85
5.2	Profil Responden dan Tujuan Gadaian	86
5.2.1	Latar Belakang Responden	86
5.2.2	Tujuan Gadaian	88
5.3	Kepatuhan Proses Gadaian Islam	89
5.3.1	Pengetahuan penggadaai	90
5.3.2	Sumber maklumat	92
5.3.3	Prosedur gadaian, penebusan dan lelongan	95
5.3.3.1	<i>Pelaksanaan gadaian dalam sistem ar-Rahnu</i>	95
5.3.3.2	<i>Pemakluman butiran transaksi</i>	100
5.3.3.3	<i>Pelaksanaan penebusan dalam sistem ar-Rahnu</i>	102
5.3.3.4	<i>Kaedah pelunasan pinjaman dan surat akuan gadaian baharu</i>	105
5.3.3.5	<i>Notis penebusan dan pelanjutan tempoh</i>	111
5.3.3.6	<i>Prosedur lelongan</i>	115

5.3.3.7	<i>Prosedur lengkap gadaian sehingga lelongan dalam sistem ar-Rahnu</i>	118
5.3.4	Keselarian maklumat pegawai ar-Rahnu dan pelanggan	120
5.4	Rumusan	125
BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN		
6.1	Pengenalan	126
6.2	Kesimpulan	126
6.3	Cadangan Kajian	129
6.3.1	Cadangan berkaitan modus operandi sistem ar-Rahnu	129
6.3.2	Cadangan kepada kajian akan datang	131
6.4	Rumusan	132
RUJUKAN		134
LAMPIRAN		142

5.3.3.7	<i>Prosedur lengkap gadaian sehingga lelongan dalam sistem ar-Rahnu</i>	118
5.3.4	Keselarian maklumat pegawai ar-Rahnu dan pelanggan	120
5.4	Rumusan	125
BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN		
6.1	Pengenalan	126
6.2	Kesimpulan	126
6.3	Cadangan Kajian	129
6.3.1	Cadangan berkaitan modus operandi sistem ar-Rahnu	129
6.3.2	Cadangan kepada kajian akan datang	131
6.4	Rumusan	132
RUJUKAN		134
LAMPIRAN		142

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Bilangan Sistem Pajak Gadai Konvensional dan Ar-Rahnu di Malaysia pada Tahun 2013	4
2.1	Syarat-syarat bagi Memenuhi Rukun Pajak Gadai	24
2.2	Mutu Kandungan Emas yang diterima oleh YaPEIM	36
2.3	Tempoh Gadaian dan Tempoh Lanjutan	39
2.4	Kadar Upah Simpan bagi setiap Institusi Ar-Rahnu	40
2.5	Margin dan Had Pinjaman	42
2.6	Pengecualian dalam Akta 81 bagi Ar-Rahnu	44
4.1	Sistem Ar-Rahnu yang dipilih	71
4.2	Pengesahan Pakar terhadap Instrumen Temubual	83
5.1	Maklumat Responden yang ditemubual	87
5.2	Tujuan Gadaian	88
5.3	Pengetahuan Penggadai terhadap Prosedur Gadaian	91
5.4	Asimetri Maklumat daripada Brosur dan Pamphlet	93
5.5	Prosedur Gadaian berjalan di Ar-Rahnu MAIDAM	97

No. Jadual		Muka Surat
5.6	Respon Penggadai tentang Penggunaan Kad Pengenalan dan Surat Akuan Gadaian	99
5.7	Respon Penggadai tentang Pemakluman Butiran Transaksi Gadaian	101
5.8	Prosedur Penebusan yang berjalan di Ar-Rahnu MAIDAM	103
5.9	Respon Penggadai tentang Semakan Kad Pengenalan dan Surat Akuan Gadaian	104
5.10	Kaedah Pelunasan Barang Gadaian	106
5.11	Respon Penggadai tentang Keadaan Barang Gadaian semasa Penebusan	106
5.12	Proses Permohonan Surat Akuan Gadaian Baharu	108
5.13	Respon Penggadai tentang Isu Kehilangan Surat Akuan Gadaian	109
5.14	Pengedaran Notis Penebusan	111
5.15	Respon Penggadai tentang Pengedaran Notis	112
5.16	Pelanjutan Tempoh Penebusan	113
5.17	Respon Penggadai tentang Pelanjutan Tempoh Penebusan	114
5.18	Prosedur Lelongan di Ar-rahnu MAIDAM	115
5.19	Respon Penggadai tentang Pemulangan Lebihan Hasil Lelongan	116
5.20	Kod bagi Tema Kepatuhan	120
5.21	Analisis Kepatuhan Proses Gadaian Berdasarkan Keselarian Maklumat	122

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Kerangka Konseptual Kajian	66
5.1	Prosedur Gadaian, Penebusan dan Lelongan dalam Sistem Ar-Rahnu di MAIDAM	119

SENARAI SINGKATAN

BIMB	Bank Islam Malaysia Berhad
BMMB	Bank Muamalat Malaysia Berhad
BNM	Bank Negara Malaysia
et al.	et alia (dan lain-lain)
IOCU	Kesatuan Pertubuhan Pengguna Antarabangsa
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KPKT	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
MAIDAM	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu
MGIT	Muassasah Gadaian Islam Terengganu
MyKad	Kad Pengenalan Diri
PKB	Permodalan Kelantan Berhad
PKIK	Perbadanan Kemajuan Iktisad Kelantan
RM	Ringgit Malaysia
SAG	Surat Akuan Gadaian
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
SKM	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
YaPEIM	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pajak gadai merupakan sistem peminjaman wang dengan menggunakan cagaran sebagai jaminan pembayaran semula pinjaman. Sistem pajak gadai ini mula dikesan kewujudannya seawal 3000 tahun lalu di China. Institusi kewangan tertua ini juga turut dikesan dalam sejarah ketamadunan awal Yunani dan Rom (Johnson dan Johnson, 1998). Berikutan kemunculan perniagaan pajak gadai ini pada awal pembangunan ketamadunan, ia secara tidak langsung menjadi institusi kewangan tidak formal yang banyak membantu golongan yang kesempitan wang bagi mendapatkan bantuan kewangan dengan cepat dan mudah. Sistem pajak gadai di Malaysia mula diperkenalkan oleh pedagang China yang berhijrah ke Tanah Melayu di zaman Kesultanan Melayu Melaka pada awal kurun ke 15 dan terus berkembang sehingga ke zaman pemerintahan Inggeris (Mustafa, 2005).

Oleh kerana perniagaan pajak gadai ini dimonopoli oleh masyarakat Cina sejak dari zaman pemerintahan Inggeris, prosedur pelaksanaan gadaian yang dilaksanakan adalah bertentangan dengan amalan dan syariat Islam. Ini berikutan pinjaman yang diberikan oleh pemegang pajak gadai konvensional berorientasikan riba di mana pengguna pajak gadai perlu membayar faedah ke atas pinjaman sebanyak 2 peratus sebulan (Abdul Ghafar dan Nor Zakiah, 1997). Maka, Islam menuntut umatnya mematuhi syariat Islam bagi memastikan mereka tidak terlibat dengan sebarang urusan seharian yang mungkin membabitkan elemen riba dan gharar (unsur-unsur penipuan) (Al-Saati, 2003). Justeru itu, seiring dengan evolusi perkembangan kewangan Islam di Malaysia yang mula berkembang pada era 60-an, sistem pajak gadai yang beroperasi sepenuhnya mengikut syariat Islam mula diperkenalkan bagi menggantikan sistem pajak gadai konvensional pada tahun 1992.

1.2 Latar Belakang

Penubuhan Lembaga Tabung Haji pada tahun 1962 membuka peluang kewangan Islam di Malaysia untuk lebih berkembang. Pada tahun 1983, sebuah bank Islam yang beroperasi berlandaskan syariah mula ditubuhkan bagi memenuhi permintaan masyarakat Islam Malaysia yang menginginkan satu sistem kewangan Islam bagi memudahkan mereka untuk berurusan dengan selamat (Nor Mohamed, 1996). Dalam hal ini, sistem pajak gadai

juga tidak terkecuali. Sistem pajak gadai Islam atau ar-Rahnu telah diperkenalkan bagi menawarkan perkhidmatan gadaian yang bebas dari riba, gharar dan adil berbanding dengan pajak gadai konvensional yang lebih berteraskan kadar bunga dan mengeksploitasi pengguna (Nur Azura, Selamah dan Supizan, 2004). Antara kelemahan pajak gadai konvensional yang banyak dibincangkan adalah melibatkan pengambilan bayaran melebihi kos pentadbiran dan kadar faedah atas pinjaman (riba), nilai barang gadaian yang merosot, masalah ketidaktelusan dalam proses lelongan barang gadaian dan pelbagai lagi (Asmadi, 2004; Muhammad Yusri et al., 2010). Keputusan penubuhan sistem ar-Rahnu di Malaysia mula dipersetujui oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri-negeri ke-13 dalam persidangannya pada 28 Mei 1979 di Melaka. Beberapa perbincangan lanjut dilakukan sejurus keputusan dibuat bagi memperkemaskan peraturan yang telah dirangka bagi pelarasan setiap negeri. Laporan berkaitan penubuhan sistem ar-Rahnu ini juga kemudiannya telah dipersetujui pada 30 Januari 1985 (Mustafa, 2006).

Bermula seawal tahun 1992, beberapa pihak swasta dan kerajaan mula mengambil langkah memperkenalkan sistem ar-Rahnu masing-masing. Penubuhan Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) di bawah kelolaan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) pada 23 Januari 1992 merupakan pelopor utama sistem ini di Malaysia (MAIDAM, 2013). Sehingga tahun 2013, terdapat kira-kira 570 buah cawangan ar-Rahnu dan 378 buah cawangan sistem pajak gadai konvensional yang beroperasi di Malaysia. Jadual 1.1 menunjukkan bilangan ar-Rahnu dan pajak gadai konvensional di Malaysia pada tahun 2013.

Jadual 1.1

Bilangan Pajak Gadai Konvensional dan Ar-Rahnu di Malaysia Sehingga Tahun 2013 ¹ *ai K*

Bilangan Pajak Gadai	Jumlah
Jumlah Pajak Gadai Konvensional	378
MAIDAM	9
PKB	26
YaPEIM	154
Bank Rakyat (termasuk Ar-Rahnu X'Change)	169
BIMB	4
Agro Bank	93
Koperasi (persendirian dan francais Bank Rakyat)	65
RHB Bank	5
Bank Muamalat	9
Pos Malaysia	36
Jumlah Ar-Rahnu	570
JUMLAH KESELURUHAN	948

Sumber. Laman sesawang Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Permodalan Kelantan Berhad (PKB), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Bank Rakyat, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Agro Bank, RHB Bank, Bank Mualamat, dan Pos Malaysia.

Perniagaan pajak gadai konvensional tertakluk di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81]. Melalui akta ini, pemegang pajak gadai dan penggadai harus mengikuti semua panduan dan prinsip-prinsip yang telah disenaraikan. Sistem ar-Rahnu pula setakat ini belum mempunyai akta atau peraturan khusus yang dijadikan panduan untuk pengoperasian tetapi mengikut akta atau manual prosedur tertentu berdasarkan institusi yang menawarkan. Namun begitu, MGIT dan Kedai Ar-Rahn di Kelantan merupakan antara skim ar-Rahnu yang tertakluk di bawah Akta Pemegang Pajak Gadai

1972 dengan beberapa pengecualian di dalamnya. Oleh itu, boleh dikatakan pengurusan operasi di dalam sistem ar-Rahnu adalah hampir sama dengan pajak gadai konvensional dan yang membezakannya ialah dari segi kontrak (aqad) kerana sistem ar-Rahnu memberikan pinjaman berdasarkan konsep syariah yang diterapkan (Selamah dan Supizan, 2005). Justeru itu, amatlah perlu bagi institusi yang menawarkan skim ar-Rahnu untuk menonjolkan keistimewaan dan kelebihan yang ada dalam sistem ini bagi membezakannya dengan sistem pajak gadai konvensional. Perkara ini boleh dicapai melalui cara pihak ar-Rahnu mengambil langkah menjelaskan kepada penggadai-penggadai proses berkaitan dengan gadaian sehingga lelongan dan lain-lain lagi. Melalui langkah ini, penggadai akan lebih arif tentang prosedur sebenar yang perlu mereka lalui ketika berurusan di premis ar-Rahnu.

Berhubung dengan penerangan proses-proses tersebut, inisiatif sebegini juga bukan sahaja dapat menambah pemahaman penggadai lama malahan dapat membantu menarik minat penggadai-penggadai baharu untuk mula menggunakan sistem ar-Rahnu sebagai sumber mendapatkan pinjaman segera. Ini adalah kerana, berikutan kenaikan kadar inflasi beberapa tahun kebelakangan ini, pengguna ar-Rahnu yang melakukan gadaian juga dilihat semakin bertambah. Berdasarkan kajian Azila et al., (2013), pertumbuhan peminjam sistem ar-Rahnu YaPEIM meningkat sebanyak 152.8 peratus pada tahun 2008 berbanding tahun sebelumnya iaitu hanya sebanyak 53.9 peratus. Peningkatan ini berlaku kerana kadar inflasi berada di tahap yang tinggi pada tahun 2008 iaitu sebanyak 5.28 peratus dan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan menyebabkan penggadai melakukan gadaian bagi tujuan penggunaan. Manakala pada tahun 2009,

pertumbuhan penebus pula meningkat sebanyak 118.2 peratus setelah ekonomi mula stabil. Pada tahun tersebut pula, kadar inflasi telah mula menurun kepada 0.9 peratus dan penggadaai sudah mula menebus semula barang gadaian mereka setelah masalah kewangan mereka mula stabil. Ini menunjukkan kebarangkalian masyarakat untuk melakukan gadaian dan penebusan dipengaruhi oleh kadar inflasi semasa. Mereka cenderung untuk melakukan gadaian ketika kadar inflasi tinggi bagi menampung perbelanjaan seharian yang turut meningkat dan sebaliknya apabila keadaan ekonomi beransur pulih. Sehingga ke tahun 2013, kadar inflasi dilihat sentiasa meningkat secara perlahan mencecah nilai purata 1.92 peratus (Jabatan Statistik Malaysia, 2014). Oleh itu, penggadaai ar-Rahnu dijangka akan sentiasa bertambah sekiranya tren sebegini menjadi faktor bagi masyarakat Malaysia melakukan gadaian. Justeru itu juga, penerangan menyeluruh berkaitan proses-proses yang terlibat dalam urusan gadaian hingga lelongan ini sesuai dilakukan sebagai salah satu kaedah promosi berterusan kepada penggadaai-penggadaai yang berpotensi untuk menggadaai.

1.3 Pernyataan Masalah

Permasalahan pertama yang cuba diketengahkan di dalam kajian ini adalah dari segi penerangan menyeluruh terhadap prosedur yang terlibat dalam skim ar-Rahnu yang perlu dilakukan secara berkesan bagi membantu pemahaman penggadaai lama dan penggadaai baharu. Permasalahan seterusnya adalah dari segi kebarangkalian kadar penebusan barang

gadaian yang akan semakin berkurang dan isu-isu yang timbul sebelum dan selepas proses lelongan barang gadaian.

Sebagaimana yang telah dibincangkan, kenaikan kadar inflasi menyebabkan masyarakat cenderung untuk melakukan gadaian berbanding penebusan. Sekiranya penggadaai gagal menebus barang gadaian, lelongan terpaksa dijalankan bagi menjelaskan pinjaman dan kos upah simpan serta kos-kos lain yang terlibat. Sekiranya perlanjutan penebusan berlaku pula, caj upah simpan yang baharu mengikut harga emas semasa yang sentiasa naik akan dikenakan. Caj upah simpan dalam sistem pajak gadai Islam adalah dikira berdasarkan nilai barang gadaian. Oleh itu, terdapat perubahan jumlah upah simpan yang berlaku sekiranya tiada penebusan dilakukan sebelum kenaikan harga emas. Permasalahan yang dapat diteliti di sini adalah sejauh mana pihak penggadaai mengetahui prosedur lanjut yang dilaksanakan oleh pihak institusi dalam menangani situasi sebegini dan sejauh mana proses ini dilaksanakan mengikut peraturan oleh pihak ar-Rahnu.

Tambahan pula, bagi barang gadaian yang dilelong, penggadaai mungkin akan mempunyai lebih wang hasil dari lelongan tersebut kerana harga emas yang sentiasa meningkat untuk tempoh 9 tahun yang lalu iaitu sejak 2004 hingga 2013 (kitco.com, 2014). Sekiranya barang gadaian mereka dijual dengan harga lebih tinggi dari harga semasa penggadaian berlaku, kebarangkalian lebih hasil lelongan yang akan diperoleh oleh penggadaai juga akan tinggi. Persoalan yang dapat dilihat di sini adalah adakah penggadaai dimaklumkan tentang lebih lelongan tersebut dan menerima notis dari pihak ar-Rahnu? Berikutan tiada akta khusus yang diwujudkan bagi mengawal selia sistem

pajak gadai Islam ini, kebanyakan institusi ar-Rahnu banyak bergantung kepada manual yang dibina oleh mereka sendiri. Namun, sejauh manakah tahap keberkesanan manual institusi tersebut mampu menjaga hak penggadaai jika permasalahan timbul seperti di atas? Oleh itu, keperluan kajian yang khusus berkaitan prosedur gadaian, penebusan dan lelongan perlu dijalankan bagi mengetahui dengan lebih terperinci sejauh mana kepatuhan pihak ar-Rahnu dalam melaksanakan prosedur berdasarkan manual yang telah digariskan di samping menjaga hak penggadaai mereka.

Isu-isu yang telah dinyatakan di atas perlu diberi perhatian berikutan terdapat pelbagai kes penyelewengan yang berlaku dalam sistem pajak gadai konvensional. Sebagai contoh, proses lelongan barang gadaian dilakukan tanpa memaklumkan kepada penggadaai terlebih dahulu dan pendedaran notis peringatan kepada penggadaai yang tidak efektif (Wan Mansoor et al., 2004). Oleh itu, tujuan kajian ini adalah bagi mengenal pasti tiada penyelewengan berlaku dalam operasi skim ar-Rahnu dan memastikan amalan yang dilaksanakan oleh pihak ar-Rahnu menepati manual gadaian yang telah digariskan.

Penelitian terhadap bahan-bahan literatur lepas juga mendorong kepentingan kajian ini. Secara umum, kebanyakan kajian lepas lebih menumpukan aspek pengenalan sistem ar-Rahnu secara umum, faktor-faktor penerimaan pelanggan, kualiti perkhidmatan dan kepuasan pelanggan terhadap sistem pajak gadai Islam. Terdapat juga beberapa kajian yang menumpukan kepada modus operandi sistem ar-Rahnu, namun lebih bersifat umum dan persepsi. Ini menunjukkan masih terdapat jurang literatur berkaitan dengan

pematuhan terhadap prosedur gadaian, penebusan dan lelongan secara menyeluruh sama ada dalam bentuk kualitatif mahupun kuantitatif.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan yang timbul berkenaan dengan prosedur gadaian sehingga lelongan ini, soalan kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji adalah:

- (i) Bagaimanakah prosedur gadaian, penebusan dan lelongan berjalan di setiap institusi ar-Rahnu dari pespektif pemegang pajak gadai dan pengguna skim ar-Rahnu?;
- (ii) Sejauh manakah institusi ar-Rahnu menjalankan prosedur gadaian sehingga lelongan seperti yang ditetapkan dalam manual?

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini terbahagi kepada dua iaitu:

- (i) Mengenal pasti prosedur gadaian sehingga lelongan barang gadaian yang dilaksanakan dalam sistem ar-Rahnu berdasarkan persepsi pemegang pajak gadai dan pengguna skim ar-Rahnu;
- (ii) Mengenal pasti kepatuhan institusi ar-Rahnu terhadap prosedur manual gadaian.

1.6 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan kajian yang diambil kira sepanjang menyiapkan kajian ini. Batasan tersebut terdiri daripada batasan skop, sampel, kesahan data, dan batasan masa.

Skop kajian ini tertumpu kepada mengenal pasti prosedur gadaian, penebusan dan lelongan barang gadaian yang dijalankan dalam skim ar-Rahnu oleh beberapa institusi terpilih. Seterusnya, kajian ini juga ingin mengkaji sejauh mana prosedur gadaian, penebusan dan lelongan yang dijalankan oleh institusi-institusi ar-Rahnu yang terpilih seiring dengan manual gadaian yang ditetapkan.

Batasan kedua bagi kajian ini adalah pemilihan institusi ar-Rahnu. Kajian ini hanya memilih tiga buah institusi yang menawarkan skim ar-Rahnu iaitu Bank Rakyat, YaPEIM dan MAIDAM. Tiga buah institusi ini dipilih kerana institusi ini merupakan antara pelopor awal kepada sistem gadaian Islam di Malaysia.

Batasan ketiga pula adalah dari segi kesahan data semasa pemilihan responden penggadaai. Ini adalah kerana responden dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan iaitu berdasarkan ciri-ciri yang bersesuaian dengan kekangan kajian yang ditetapkan. Ancaman kesahan data mungkin berlaku sekiranya kumpulan responden tersebut tidak mampu untuk mewakili keseluruhan populasi pengguna skim ar-Rahnu institusi tersebut, dan tidak memberikan jawapan yang jujur mengikut pengalaman mereka semasa ditemubual. Ancaman kesahan data ini boleh dikurangkan dengan melakukan kajian rintis oleh pengkaji itu sendiri. Bagi kes ini, pengkaji memilih cara untuk berkunjung ke premis gadaian bagi melakukan gadaian untuk melihat sendiri bagaimana proses sebenar yang dilalui oleh seorang penggadaai. Pemerhatian secara dekat dilakukan dan nota lapangan dicatatkan bagi melakukan semakan silang kepada data yang diperoleh daripada temubual dengan pemegang pajak gadai ar-Rahnu dan penggadaai.

Batasan terakhir bagi kajian ini adalah data kajian ini dikumpul dalam masa yang singkat. Oleh itu, maklumat yang diperoleh di dalam kajian ini terhad mengikut tempoh masa kajian dilakukan.

1.7 Kepentingan Kajian

Maklumat yang diperoleh melalui kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada sumber ilmu pengetahuan penggadaian untuk memahami secara lebih jelas prosedur gadaian sehingga lelongan yang sepatutnya mereka ketahui semasa berurusan dengan institusi ar-Rahnu. Seterusnya, maklumat kajian ini diharapkan dapat dijadikan sumber literatur dalam bidang ar-Rahnu. Selain itu, dapatan kajian ini juga diharapkan dapat menjawab persoalan berkaitan sejauh mana institusi ar-Rahnu patuh dengan manual gadaian sedia ada dalam melaksanakan operasi penggadaian.

1.8 Definisi Operasional

Definisi operasional bertujuan untuk menjelaskan maksud konsep dan istilah yang digunakan di dalam kajian ini mengikut prospek kajian.

Kepatuhan: Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat, patuh membawa maksud menurut kepada sesuatu perintah, peraturan, hukum dan lain-lain, taat, dan tidak membantah. Kepatuhan pula bermaksud perihal patuh iaitu menurut perintah, sifat patuh dan ketaatan. Kepatuhan dalam konteks kajian ini pula merujuk kepada kepatuhan